



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA(PPKP) TAHUN 2023

Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) merupakan program penajaan pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa bagi **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP)** dalam **Perkhidmatan Awam Persekutuan**. Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa PKP yang berminat dan berkelayakan untuk memohon PPKP secara dalam talian melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my> seperti ketetapan berikut:

- (i) **PPKP bagi pengajian Ijazah Pertama, Diploma, Diploma Kemahiran Malaysia atau Sijil Kemahiran Malaysia secara SEPENUH MASA**

Permohonan dibuka mulai **3 April 2023 sehingga 30 November 2023** (tertakluk kepada jumlah slot yang berbaki). Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat-lewatnya 1 bulan** sebelum tarikh memulakan pengajian. Maklumat lanjut adalah seperti di **Lampiran A**.

- (ii) **PPKP bagi pengajian Ijazah Pertama secara SEPARUH MASA**

Permohonan dibuka mulai **3 April 2023 sehingga 26 Mei 2023** dan tarikh akhir penerimaan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan oleh pihak JPA adalah pada **2 Jun 2023**. Maklumat lanjut adalah seperti di **Lampiran B**.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung PPKP ini, sila hubungi talian 03-8885 3468/3518/3359 atau emel: sp.bmi@jpa.gov.my untuk PPKP SEPENUH MASA atau 03-8885 3569 atau emel: penawaranldp@jpa.gov.my untuk PPKP SEPARUH MASA.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam

3 April 2023